

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

No. Sebutharga	Keterangan	Gred/Kategori/Pengkhususan	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Sebutharga
MPJL SH/18/2026	CADANGAN MEMBAIKI LONGKANG DI JALAN DATARAN BANDAR SERI JEMPOL 1, BANDAR SERI JEMPOL SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI DALAM DAERAH JEMPOL, NSDK	<u>Gred G1</u> (Bumiputera) <u>Kategori</u> CE-Pembinaan Kujuruteraan Awam <u>Pengkhususan</u> CE21-Kerja-Kerja Am Kejuruteraan CE01-Pembinaan Jalan dan Pavement	50.00	03/06/2026 (Rabu)

Dokumen sebut harga boleh disemak dan diperolehi dari Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol mulai dari **26 Mei 2026 (Selasa)**. Dokumen sebut harga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan akan dijual selama **3 hari sehingga 29 Mei 2026 (Jumaat)** sahaja.

Borang Sebut harga boleh diperolehi di Bahagian Kejuruteraan Majlis Perbandaran Jempol pada hari Selasa-Jumaat Jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang (Hari Bekerja). Kontraktor Wajib membawa dokumen-dokumen asal semasa pembelian naskah sebut harga.

Lawatan Tapak akan diadakan pada 25 Mei 2026 (Isnin) pada jam 10.00 pagi dan pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebutharga ini hendaklah berkumpul di perkarangan **Majlis Perbandaran Jempol sebelum 9.00 pagi untuk pendaftaran di Kaunter Kejuruteraan.** Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.

Bagi mana-mana kontraktor yang ingin membuat pembelian borang menggunakan Kebenaran Khas untuk pengkhususan yang tiada di dalam sijil CIDB, hendaklah mendapat kelulusan dari pihak CIDB sebelum tarikh mula penjualan borang atau semasa tarikh lawatan tapak dengan melampirkan kelulusan Kebenaran Khas yang asal kepada pihak Majlis Perbandaran Jempol.

Kontraktor diminta untuk mengemukakan 1 (SATU) salinan sijil Pematuhan Cukai 'TAX COMPLIANCE CERTIFICATE' (TCC) berstatus PATUH dan masih sah dalam tempoh tahun semasa pembelian borang sebut harga.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat (**8.00 pagi-4.30 petang**). Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **03 Jun 2026 (Rabu)**. Jika tender / sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan

pos berdaftar / kurier, Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada Tarikh Tutup tender / sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul tidak akan dilayan.

Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagainya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

SYARAT-SYARAT PEMBELIAN BORANG SEBUTHARGA

1. Syarikat adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal SSM, CIDB, PPK dan SPKK semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum memulakan lawatan tapak. Pendaftaran perlu dibuat di Kaunter Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Jempol.
5. Syarikat adalah daripada kontraktor bumiputera **G1** yang **berdaftar dengan Majlis Perbandaran Jempol pada tahun 2026** dan pendaftaran masih sah atau telah memperbaharui pendaftaran.
6. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.
7. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari lawatan tapak, tidak dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak pada hari tersebut dan tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.
8. Kontraktor yang baru mendaftar dan memperbaharui pendaftaran pada hari pembelian borang tidak dibenarkan untuk membeli borang sebutharga.
9. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa **tidak dibenarkan** terlibat dalam membuat **pakatan harga** dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga / tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

Tarikh Pengiklanan

Mei 2026

.....
(Ir. Ts. ROSTAM BIN OMAR)

Jurutera

b.p. Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Jempol